

Pengajian di UMS tawar kesempatan belajar bahasa etnik Sabah

UB 5.12.2019 4

Oleh Henry Bating

LABUAN: Melanjutkan pengajian di Universiti Malaysia Sabah (UMS) menawarkan kesempatan terbaik kepada kalangan pelajar dari luar Sabah mempelajari bahasa-bahasa etnik negeri ini yang tidak akan diperoleh dalam pengajian di mana-mana universiti di Semenanjung.

Ketua Penyelaras Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) Dr

Nurulasyikin Muda berkata, pengetahuan berbahasa memberi kelebihan untuk memperluaskan interaksi dengan masyarakat tutur bahasa yang dipelajari.

“Kalangan pelajar dari pelbagai negeri di Semenanjung dan juga Sarawak bukan sahaja dapat mempelajari bahasa etnik tetapi juga mengenal lebih dekat etnik-etnik yang ada di Sabah,” katanya kelmarin.

Nurulasyikin berkata demikian ketika merasmikan majlis penutupan program 5M bahasa Kadazandusun

yang dikendalikan unit bahasa itu di PPIB UMSKAL.

Program 5M yang meliputi aspek mendengar, bertutur, membaca, menulis, dan menyanyi (mokinongou, moboros, mambasa, monuat om momohiis) dikendalikan pelajar tahap tiga untuk membantu kalangan pelajar tahap satu mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran berbahasa Kadazandusun.

Turut hadir Pengerusi Kursus Bahasa Asing dan Tempatan Siti Nurul Aishah Abdul Hamid dan Penolong Pendaftar Haji Taufik Abdul



PROGRAM: Program melibatkan 95 pelajar PPIB UMSKAL.

Latif.

Seramai 95 pelajar terlibat dalam program itu yang dikendalikan sepenuhnya

oleh kalangan 28 pelajar tahap tiga yang bakal menghabiskan kursus berkenaan semester ini.